

97
Soalan No: 43

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MANIVANNAN A/L GOWINDASAMY [KAPAR]

TARIKH : 8.11.2017

SOALAN :

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:

- (a) bilangan pelajar yang dibuang sekolah untuk tahun 2013, 2014, 2015, 2016 dan sehingga 30 September 2017 mengikut pecahan setiap negeri. Senarai terperinci bilangan pelajar yang dibuang sekolah di setiap sekolah di Parlimen Kapar untuk tahun 2013, 2014, 2015, 2016 dan sehingga 30 September 2017; dan
- (b) apakah garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang digunakan oleh Kementerian Pendidikan sebelum seseorang pelajar itu dibuang sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Berdasarkan Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM), jumlah murid yang dibuang sekolah bagi seluruh negara menunjukkan penurunan, bagi tahun 2013 dan 2014 adalah sebanyak 0.04 peratus; 0.03 peratus pada tahun 2015; tahun 2016 sebanyak 0.01 peratus dan sehingga 13 Oktober 2017 jumlah murid yang dibuang sekolah dicatatkan sebanyak 0.01 peratus.

Berdasarkan rekod Pejabat Pendidikan Daerah Klang, seramai 32 orang murid telah dibuang sekolah pada tahun 2016 dan 35 orang pada tahun 2017.

- (b) Hukuman buang sekolah adalah alternatif terakhir bagi pengetua/guru besar sesebuah sekolah dalam menjatuhkan hukuman terhadap murid yang melakukan salah laku disiplin. Sebelum seseorang murid dibuang sekolah, pihak sekolah hendaklah terlebih dahulu memberi amaran kepada murid yang terlibat, mengenakan hukuman denda, melaksanakan tindakan penahanan dengan cara mengisi masa ruang murid dengan aktiviti berfaedah dan membina, mengenakan hukuman rotan dan menggantung persekolahan murid. Tindakan-tindakan tersebut bertujuan untuk memberi kesedaran dan keinsafan kepada murid.

Murid yang telah dijatuhi hukuman buang sekolah boleh membuat rayuan dengan hadir bersama-sama ibubapa/penjaga di Jabatan Pendidikan Negeri atau Pejabat Pendidikan Daerah yang terdekat dalam tempoh sebulan daripada tarikh murid dibuang.